

**KESAN-KESAN SKIM SUBSIDI HARGA PADI
TERHADAP SOSIO-EKONOMI PETANI-PETANI
DI DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA**

Oleh

**Abdul Malek Yacob
Satiyah Ahmad
Abu Bakar Hashim**

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang
Institut Teknologi Mara, Cawangan Melaka,
Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Untuk Memperolehi Diploma Pentadbiran Asas**

OCTOBER 1988

PENGHARGAAN

Di dalam usaha untuk menyiapkan projek ini, kami telah menerima kerjasama sepenuhnya dari berbagai pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung. Di sini kami ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Musa Bin Ahmad, Pensyarah yang bertanggungjawab menasihati dan memberi garis panduan di dalam menyiapkan projek ini dengan sempurna. Tidak ketinggalan juga ribuan terima kasih kepada Encik Ariffin Bin Salleh yang telah membantu memberi idea-idea dan memandu mengendalikan kertas projek ini. Kepada Encik Abdul Rahim, Pengurus Lembaga Pertubuhan Peladang Melaka Tengah, Encik Saam, Juruteknik Pertanian dan Encik Hamzah Penyelia Subsidi Lembaga Padi dan Beras Negara diucapkan terima kasih atas bantuan dan pertolongan yang telah diberikan.

Ucapan terima kasih juga kami huluskan kepada Puan Halimah yang sudi menaip kertas projek ini, juga kepada responden-responden dan semua individu yang terlibat di dalam menjayakan kertas projek ini.

SEBARAI JADUAL.

Jadual	Mukasurat
1 Anggaran Penduduk	22
2 Anggaran Keluasan Tanah Sawah dan Jumlah Pesawah	23
3 Jumlah Pesawah Mengikut Bangsa dan Jantina	37
4 Bilangan Pesawah Mengikut Kelas Umur	38
5 Taraf Perkahwinan Pesawah	39
6 Taraf Pendidikan	40
7 Peratus Jenis Pekerjaan	41
8 Bilangan Tanggungan Pesawah	42
9 Keluasan Tanah Sawah Diusahakan	43
10 Keluasan Tanah Sendiri dan Tanah Sewa	44
11 Modal Yang Dipergunakan	45
12 Anggaran Hasil Keluaran Padi, Pendapatan Jualan Padi dan Subsidi	47
13 Lain Perbelanjaan	50
14 Pesawah Yang Melabur	52
15 Taraf Pendidikan Mempengaruhi Sikap Pesawah	53
16 Umur Mempengaruhi Hasil Keluaran Padi	59

ABSTRAK

Kertas Projek ini menekankan kesan bantuan Skim Subsidi Harga Padi terhadap pesawah-pesawah di daerah Melaka TENGAH. Skim Subsidi Harga Padi khusus diberikan kepada pesawah-pesawah yang menjual padinya ke Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) atau agen-agen LPN yang berdaftar. Setiap 100 kilogram padi yang pesawah jual maka ianya layak mendapat subsidi sebanyak \$16.54 disamping harga padi. Objektif utama kajian ini ialah mengkaji sejauhmanakah pemberian subsidi dapat mendorong serta meningkatkan lagi usaha-usaha pesawah ke arah menambahkan keluasan sawah untuk tanaman padi, bagi mengetahui berapakah jumlah pesawah-pesawah akan menyimpan wang mereka di dalam institusi kewangan, meninjau samada pesawah-pesawah khususnya orang-orang Melayu dapat meningkatkan pendapatan mereka, juga menghalang atau menyekat wujudnya orang tengah.

Tumpuan kajian kami ialah di 16 buah kampung yang mengusahakan sawah. Di mana 86 orang pesawah telah disoalselidik. Cara kajian dijalankan ialah secara kajiselidik, temubual, pemerhatian dan melalui data sekunder. Keputusan kajian didapati bahawa pesawah-pesawah Melayu kurang melaburkan wang subsidi mereka ke bank berbanding dengan pesawah Cina dan India di mana wang subsidi mereka dilaburkan ke bank. Disamping itu peranan orang tengah dapat disekat di mana hampir kesemua pesawah menjual padi mereka ke Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN). Pesawah lebih suka menjual padi ke LPN kerana harga yang diberikan adalah berpatutan lagi terjamin. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa Skim Subsidi Harga Padi kurang berjaya dari segi penambahan pelaburan dan penambahan keluasan tanah sawah.

Kesimpulan daripada kajian kami dapati kesan Skim Subsidi Harga Padi terhadap sosio-ekonomi pesawah adalah tidak membanggakan atau menggalakkan walaupun berbagai usaha telah dijalankan untuk meningkatkan pendapatan pesawah. Namun begitu keadaan sosio-ekonomi pesawah tetap masih berada di tahap lama.